

# 5 lelaki Myanmar langgar SOP didenda

**KUALA LUMPUR:** Lima lelaki warga Myanmar mengaku bersalah melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan merentas daerah sehari selepas sambutan Deepavali untuk pergi beraya di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Mengikut pertuduhan, tukang cat, San Oo, 47, pekerja pendawaian, San Tun, 52, Min Thura Zaw, 40, Soe Aung, 38, dan Soe, 26, yang didakwa sebagai Orang Kena Saman (OKS) didakwa bersama-sama menaiki satu kenderaan dan tidak mengemukakan surat kebenaran rentas daerah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan kira-kira pukul 1.20 pagi, 15

November lalu di tepi Plaza Tol Rawang, Gombak di sini.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Peraturan 10 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1,000 atau penjara yang boleh sampai enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Min Thura turut mengaku tidak bersalah atas tuduhan tinggal di negara ini dengan visa yang telah tamat tempoh dan didakwa mengikut Seksyen 15(1)(C) Akta Imigresen Tahun 1959/63 Pindaan 2002.

Soe Aung dan Soe, juga di mahkamah sama, mengaku

bersalah atas tuduhan tinggal di Malaysia tanpa sebarang dokumen yang sah dan dituduh mengikut Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen Tahun 1959/63 Pindaan 2002.

Hukuman bagi kesalahan mengikut Akta Imigresen itu memperuntukkan denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya dan boleh juga dikenakan tidak melebihi enam sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Intan Syakieraah Zakaria memohon hukuman setimpal berbentuk pengajaran kepada semua lelaki itu.

“Saya memohon hukuman setimpal terhadap San Oo dan

San Tun kerana larangan merentas daerah telah diwar-warkan dalam media sosial. Oleh itu, tiada alasan kesemua OKS tidak mengetahui arahan ini,” katanya.

Bagaimanapun, peguam bela, Azman Abdullah yang mewakili semua OKS memohon hukuman denda minimum kerana anak-anak guamnya tidak mampu membayar jumlah denda yang tinggi.

Majistret Nur Hafizah Rajuni menjatuhkan hukuman denda RM1,000 terhadap San Oo dan San Tun manakala hukuman bagi Min Thura, Soe Aung dan Soe akan dibuat pada 18 Januari depan. Ketiga-tiga OKS itu itu tidak dibenarkan jamin.